

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(IV)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB. ONG AH TEONG**

28. Adakah perkhidmatan bandaraya akan ditingkatkan pada tahun 2021 terutamanya perkhidmatan pembersihan dan kutipan sampah?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

28. Kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Pulau Pinang iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mencapai taraf bandar raya masing-masing pada tahun 2015 dan 2019. Sehubungan itu, pastinya bagi sesebuah PBT yang telah mencapai status bandar raya, berupaya menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan pada tahap yang tinggi terutamanya perkhidmatan pembersihan dan kutipan sampah.

Sehubungan dengan itu, menjelang tahun 2021, kedua-dua PBT di Pulau Pinang telah mempunyai perancangan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan banda raya, terutamanya dalam perkhidmatan pembersihan dan kutipan sampah seperti berikut:-

- (i) Menaik taraf semua pusat sampah di pasar-pasar awam kepada jenis sistem *portable compactor* secara berperingkat;
- (ii) Melakukan penjajaran semula kontrak baru mengikut kawasan Parlimen bagi perkhidmatan pungutan sampah menggunakan spesifikasi kenderaan yang mampu menampung jumlah peningkatan sampah dan tidak mencemarkan alam;

- (iii) Mengoptimumkan penggunaan jentera bagi pembersihan secara mekanikal dan mengurangkan kebergantungan tenaga kerja secara manual;
- (iv) Menambah baik cara pemantauan dan pelaporan seliaan pegawai kawasan secara manual ke sistem; dan
- (v) Menyemak dan meminda undang-undang kecil dan garis panduan berkaitan.